

Program k h a s kanak-kanak dilancar

1 September
BH 4 3 AUG 2001

RAWANG, Ahad - Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan melancarkan program khas kanak-kanak, 'Katakan Ya Kepada Kanak-Kanak' (Say Yes To Children) awal bulan depan.

Menterinya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata program di seluruh negara itu akan disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1 September bagi peringkat kebangsaan.

Beliau berkata, program itu bertujuan memberi perhatian dan komitmen padukepadakanak-kanak yang berumur antara satu tahun hingga 12 tahun bagi menikmati kehidupan lebih selesa berdaya maju.

Katanya, kegiatan yang dirancang sempena program itu akan dikendalikan kanak-kanak untuk kanak-kanak seperti pidato, pakaian beragam, seni tari, lakonan, berdebat, pengu-capan awam, kuiz dan penganugerahan tokoh kanak-kanak.

"Jentera kementerian dengan kerjasama pihak lain akan digerakkan bagi tujuan menjayakan program itu pada setiap peringkat membabitkan kanak-kanak dari semua kaum.

"Ibu bapa berperanan merijayakan hasrat murni ini untuk menjana budaya sihat di kalangan anak-anak ini," katanya selepas merasmikan program Hari Keluarga dan Kumpulan Rukun Tetangga Penaja, Kembojasari, Bandar Baru Sungai Buaya, dekat sini, hari ini.

Beliau berkata, langkah mengadakan program 'Katakan Ya Kepada Kanak-Kanak' selaras pengiktirafan terhadap kanak-kanak sebagai aset negara sempena Hari Kanak-Kanak Sedunia yang disambut 18 September setiap tahun.

Sementara itu, katanya, kementerian merancang beberapa strategi menghadapi permasalahan kanak-kanak dan remaja secara terperinci.

Katanya, pelan perancangan kebangsaan merangkumi penyusunan semula kegiatan membabitkan kanak-kanak pada semua peringkat, penempatan guru tabika dan tadika perpaduan supaya lebih berkesan.